

146

NO. SOALAN: 152

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA  
HAJI ANNUAR BIN MUSA [KETEREH]**

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan pelan tindakan yang dirangka bagi memastikan transformasi Kedai Rakyat 1Malaysia 2.0 (KRIM 2.0) akan berjaya mencapai matlamat dan memberi manfaat kepada rakyat dan sejauh mana Program 'Friends of KPDNKK' telah memberi impak terhadap penguatkuasaan harga barang khususnya sewaktu musim perayaan.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Pembangunan semula inisiatif KR1M iaitu **KR1M 2.0** melalui pelaksanaan model perniagaan baharu akan melibatkan kerjasama strategik antara Kerajaan dan beberapa pihak pengendali operasi seperti konsep berikut:

- i) Operasi perniagaan kendalian pemilik (*owner-operator*); dan
- ii) Penjenamaan bersama (*co-branding*).

Konsep yang lebih terbuka ini akan memberi peluang kepada lebih ramai pemilik perniagaan runcit menyertai rangkaian premis KR1M 2.0. Selain daripada itu, bilangan premis KR1M 2.0 akan lebih banyak dari KR1M sedia ada dan akan memberikan manfaat kepada rakyat, secara umumnya.

Sejak diperkenalkan pada bulan Ogos 2015, sambutan orang ramai untuk menyertai ***Friends of KPDNKK (FOK)*** adalah amat menggalakkan dan sehingga kini, keahliannya telah melebihi 800 ribu orang. FOK berperanan sebagai mata dan telinga kepada KPDNKK dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang kuasanya. Hasil kerjasama orang ramai termasuk FOK, KPDNKK telah menerima sebanyak 14,605 aduan melalui pelbagai saluran termasuk *Facebook* dan *Twitter* FOK serta Pusat Informasi dan Gerakan Operasi Strategik (PIGOS) KPDNKK. Aduan-aduan yang diterima ini akan disiasat oleh Penguatkuasa KPDNKK dan seterusnya diambil tindakan sekiranya terdapat kes atau kesalahan.